



10 Januari 2025  
10 January 2025  
P.U. (A) 8

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH SYARIKAT  
(PINDAAN JADUAL KELAPAN) 2025

*COMPANIES (AMENDMENT OF  
EIGHTH SCHEDULE) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SYARIKAT 2016

PERINTAH SYARIKAT (PINDAAN JADUAL KELAPAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 617 Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Syarikat (Pindaan Jadual Kelapan) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2025.

**Pindaan Jadual Kelapan**

2. Jadual Kelapan Akta Syarikat 2016 dipinda—

(a) dengan memotong perenggan 1;

(b) dengan memotong perenggan 2;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 2 yang dipotong perenggan yang berikut:

“2A. Suatu syarikat layak untuk suatu moratorium bagi perkiraan sukarela korporat yang dicadangkan oleh pengarah, pengurus kehakiman atau penyelesai jika—

(a) syarikat itu digulung;

(b) syarikat itu di bawah suatu perintah pengurusan kehakiman;

- (c) syarikat itu bukan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia;
  - (d) syarikat itu tidak diluluskan atau didaftarkan di bawah Bahagian II, tidak dilesenkan atau didaftarkan di bawah Bahagian III, tidak diluluskan di bawah Bahagian IIIA atau tidak diiktiraf di bawah Bahagian VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; atau
  - (e) syarikat itu tidak diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.”;
- (d) dalam perenggan 3, dengan menggantikan perkataan “perenggan 1 dan 2” dengan perkataan “perenggan 2A”;
- (e) dalam perenggan 9, dengan menggantikan perkataan “atau Pegawai Penerima” dengan perkataan “, Pegawai Penerima, pengurus kehakiman atau penyelesaian”;
- (f) dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“10. Selepas diberitahu di bawah perenggan (9), penama hendaklah, dalam masa tujuh hari bermula dari tarikh pemberitahuan itu—

- (a) memberitahu Pendaftar tentang fakta permulaan moratorium itu;
- (b) memberitahu syarikat dan mana-mana pemiutang mempetisyen bagi syarikat yang tuntutan nya

diketahui penama itu tentang fakta permulaan moratorium itu; dan

(c) mengiklankan fakta itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.”; dan

(g) dalam subperenggan 12(a)—

(i) dengan memotong perkataan “dalam laman sesawang Suruhanjaya dan”; dan

(ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “or” dengan perkataan “and”.

Dibuat 6 Januari 2025  
[KPDNKK.100-1/4/11; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

## COMPANIES ACT 2016

## COMPANIES (AMENDMENT OF EIGHTH SCHEDULE) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 617 of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Companies (Amendment of Eighth Schedule) Order 2025**.

(2) This Order comes into operation on 31 January 2025.

**Amendment of Eighth Schedule**

2. The Eighth Schedule to the Companies Act 2016 is amended—

(a) by deleting paragraph 1;

(b) by deleting paragraph 2;

(c) by inserting after the deleted paragraph 2 the following paragraph:

“2A. A company is eligible for a moratorium for corporate voluntary arrangement proposed by the directors, judicial manager or liquidator if—

(a) the company is being wound up;

(b) the company is under a judicial management order;

(c) the company is not a licensed institution or operator of a designated payment system regulated

under the laws enforced by the Central Bank of Malaysia;

*(d)* the company is not approved or registered under Part II, not licensed or registered under Part III, not approved under Part IIIA or not recognised under Part VIII of the Capital Markets and Services Act 2007; or

*(e)* the company is not approved under Part II of the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991.”;

*(d)* in paragraph 3, by substituting for the words “paragraphs 1 and 2” the words “paragraph 2A”;

*(e)* in paragraph 9, by substituting for the words “or Official Receiver” the words “, Official Receiver, judicial manager or liquidator”;

*(f)* by substituting for paragraph 10 the following paragraph:

“10. After being notified under paragraph 9, the nominee shall, within seven days from the date of the notification —

*(a)* notify the Registrar of the fact of the commencement of the moratorium;

*(b)* notify the company and any petitioning creditor of the company of whose claim he is aware of the fact of the commencement of the moratorium; and

*(c)* advertise the fact in one widely circulated newspaper in Malaysia in the national language

and one widely circulated newspaper in Malaysia in the English language.”; and

(g) in subparagraph 12(a)—

- (i) by deleting the words “in the website of the Commission and”;  
and
- (ii) in the English language text, by substituting for the word “or”  
the word “and”.

Made 6 January 2025  
[KPDNKK.100-1/4/11; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
*Minister of Domestic Trade and Cost of Living*